

ADAPTASI ELEMEN PEMASARAN DALAM
PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

ROHANA TALIB

109151



109151

SITI UTARA MALAYSIA
1998

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan alatan teknologi pendidikan(ATP) di kalangan guru. Walaupun telah banyak kajian dibuat untuk tujuan tersebut, namun senario yang dilihat sekarang adalah tidak banyak berbeza. Oleh itu sesuatu harus dilakukan di dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) yang membekalkan ATP. Kajian ini menguji faktor-faktor yang boleh membantu untuk menggalakkan penggunaan ATP di kalangan guru. Kajian ini seterusnya menguji penerimaan guru-guru terhadap adaptasi elemen-elemen pemasaran di dalam pengurusan PSS. Empat elemen pemasaran yang menjadi tumpuan ialah orientasi pelanggan, lokasi, assesibiliti dan komunikasi. Kajian telah dijalankan dengan dua kaedah. Kaedah pertama ialah secara terokaan untuk menjawab persoalan apakah masalah yang dihadapi dalam penggunaan ATP di sekolah. Kaedah yang kedua ialah menggunakan set soal selidik sebagai alat pengumpulan data mengenai penerimaan guru terhadap elemen pemasaran di dalam pengurusan PSS. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian ini mendapati penerimaan guru-guru terhadap elemen pemasaran iaitu orientasi pelanggan, assesibiliti, lokasi dan komunikasi di dalam pengurusan PSS adalah amat positif. Pengamatan ini adalah sama dari semua kategori guru. Tidak ada perbezaan yang signifikan dalam persepsi guru terhadap elemen tersebut berdasarkan ciri-ciri latar belakang guru.

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang masalah-masalah yang timbul dan rasionalnya kenapa kajian ini perlu dilakukan. Penyelidik telah terdedah kepada masalah-masalah di dalam PSS terutama di dalam pengurusan dan penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru sejak tahun 1992, bilamana penyelidik menceburkan diri dalam pengurusan PSS di tiga buah sekolah di tiga buah negeri yang terletak di tiga kawasan dan budaya yang berlainan. Sekolah yang pertama ialah di negeri Terengganu, di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, negeri yang kedua ialah Melaka di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan negeri yang ketiga ialah Perlis di utara Semenanjung Malaysia. Melalui lima tahun pengalaman dan pemerhatian dari lawatan-lawatan ke PSS di lain-lain tempat, penyelidik telah membuat satu kesimpulan bahawa satu kajian perlu dibuat untuk mencari jalan mengatasi masalah-masalah yang nampaknya seragam dan sering timbul di setiap PSS sekolah menengah di seluruh Malaysia.

1.2 LATARBELAKANG

Kaedah pembelajaran pelajar kita tidak lagi pada kaedah diajar (*being taught*) tetapi pada kaedah belajar dengan mendapatkan ilmu dari pelbagai sumber (*learning by themselves*). Mereka menemui dan menggunakan pengetahuan yang sedia ada dengan pengetahuan baru yang diperolehinya dari proses somatik mengikut ruang dan luas alam yang ditemui dari pelbagai sumber. Dalam konteks Malaysia, konsep

Pusat Sumber Sekolah merupakan satu punca segala pergerakan dan aktiviti ke arah melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia; 1987). Dengan sebab itulah Pusat Sumber Sekolah itu merupakan entiti penting bagi setiap institusi pendidikan dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memerlukan bantuan Pusat Sumber dari segi alat bantu mengajar dan alatan teknologi pendidikan untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan. Ini juga boleh menjadikan pelajar-pelajar tertarik untuk terus belajar.

Tengku Shahrom Tengku Shahdan (1995) menyatakan banyak kajian telah mendapati bahawa pelajar yang didedahkan dengan teknologi pendidikan adalah lebih bermotivasi: kehadiran sekolah lebih baik, kelakuan bertambah baik dan masalah ponteng juga berkurangan. Arfah (1992) melaporkan ada beberapa kemungkinan yang menyebabkan pelajar-pelajar merasa bosan tinggal di sekolah dan sebahagiannya menuju kegagalan. Salah satu sebab berlaku keadaan ini ialah proses pengajaran dan pembelajaran tidak menarik dan ceria. Apatah lagi di tahun-tahun kebelakangan ini, masalah semakin gawat. Laporan dari Unit Hal Ehwal Pelajar Jabatan Pendidikan negeri Perlis mendapati dalam tahun 1996, kes ponteng di Perlis melibatkan 205 orang pelajar sekolah menengah.

Tambahan dalam menuju ke era pembangunan berteknologi tinggi wawasan 2020 dan era informasi, negara kita inginkan satu generasi yang berpendidikan sains dan teknologi serta mempunyai kepakaran dalam teknologi maklumat. Generasi akan datang amat bergantung kepada tenaga pengajar masa kini. Masa depan pelajar kita adalah masa depan Malaysia. Kita tidak mahu lagi dibelenggu oleh kemelut-kemelut gejala sosial dan moral. Oleh itu apa yang harus pasukan pendidik lakukan? Sasrat negara adalah untuk membina generasi yang mampu menguasai teknologi tinggi.

Maka tenaga pengajarnya juga perlu mahir dalam teknologi. Jika kita mahukan anak didik kita bersaing secara global, dinamik dalam dunia informasi, mereka perlukan lebih dari hanya kertas, pensel, buku dan latihan. Maka ahli-ahli pendidikan atau tenaga pengajar perlu mempunyai persediaan dalam merembentuk pengajaran mereka dengan menggunakan media baru semasa dan yang canggih. (Gagne; 1987) dalam (Abd. Rahim Mohd. Saad; 1991)

Teknologi pendidikan merupakan satu bidang yang dinamik dan sentiasa mengalami perubahan mengikut paradigma dan perkembangan semasa. Teknologi pendidikan meliputi penggunaan alat bantu mengajar (ABM), alat pandang dengar (APD) dan proses-proses pengajaran yang boleh menyelesaikan masalah kefahaman pelajar. Alatan teknologi pendidikan (ATP) yang merangkumi kedua-dua ABM dan APD adalah bahan yang membantu menjadikan pengajaran lebih berkesan dan menarik. Alatan teknologi pendidikan ini boleh didapati di dalam Pusat Sumber Sekolah (PSS) di mana PSS ini mempunyai pengurusan tersendiri sebagai satu unit kecil dalam sekolah. PSS diketuai oleh Guru Penyelaras PSS. Guru Penyelaras PSS ini memainkan peranan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pusat sumber dan merupakan katalis dalam menentukan pengaplikasian teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 LATARBELAKANG MASALAH

Pada masa ini hampir setiap sekolah di negara kita mempunyai PSS. Walaupun demikian terdapat pelbagai laporan yang menyatakan penggunaan PSS dengan sempurna dan bersepadu dalam proses pengajaran-pembelajaran masih berada di tahap yang rendah (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan; 1987, Asiah Abu Samah; 1990, Ismail Hj Adnan; 1990, Mazlan; 1991 dalam M. Balakrishnan (1995).